

BAB III

PENGELOLAAN DANA ZAKAT *FISABI~~L~~L*LAH DALAM BIDANG PENDIDIKAN DI TABUNG BAITULMAL SARAWAK (TBS)

A. Profil Tabung Baitulmal Sarawak

1. Gambaran umum Tabung Baitulmal Sarawak

Salah satu harapan besar umat Islam di Sarawak sebaik sahaja mencapai kemerdekaan melalui Malaysia pada tahun 1963 adalah untuk melihat peningkatan dan kebangkitan syariat Islam di tanah bekas jajahan Brooke ini. Justeru Tabung Baitulmal Sarawak (TBS) telah didirikan pada tahun 1966 melalui Undang-Undang Zakat 1966 atas usaha Yang Amat Berhormat, (YAB) Pehin Sri Haji Abdul Taib Mahmud. Pada masa itu ia dikenali sebagai Tabung Zakat dan Fitrah.

Tabung ini telah berjaya membiayai ramai pelajar-pelajar melanjutkan pelajaran ke peringkat tinggi di Pusat-Pusat Pengajian Tinggi Islam di dalam dan di luar negeri, di samping membantu dalam perkara-perkara kebajikan dan keagamaan di kalangan umat Islam di Sarawak. Sebelum Tabung Zakat dan Fitrah ditubuhkan, masyarakat Islam biasanya menunaikan kewajipan berzakat dengan menyerahkan secara terus kepada fakir miskin atau kepada guru-guru agama, bidan-bidan kampung dan sebagainya.

Sesuai dengan perkembangan negara dan keperluan umat Islam yang semakin bertambah untuk menghadapi zaman yang penuh

cabaran, maka sebagai satu kesinambungan daripada tabung itu, tertubuhlah Tabung Baitulmal Sarawak pada tahun 1984 di bawah Ordinan Majlis Islam Sarawak (Pemerbadanan) (Pindaan) 1984.¹

Tabung Baitulmal Sarawak ditubuh pada tahun 1985 sebagai wakil Majlis Islam Sarawak yang bertanggungjawab dalam pengurusan Zakat, Sadaqatul Jariah dan Wakaf. Dalam hal ini, TBS berperanan menyediakan prasarana mengutip, mendistribusi dan mengurus dana-dana tersebut di samping menyedarkan masyarakat Islam tentang kewajipan berzakat.

Rentetan itu, sebagai persiapan untuk menempuh ledakan perubahan dalam abad ke 21, Penyusunan Semula Pengurusan Tabung Baitulmal Sarawak telah diluluskan di mana pada 15 Disember 1998, Pengurus Besar telah dilantik untuk mengetuai Pengurusannya. Sidang Dewan Undangan Negeri Sarawak pada bulan November 2001 turut meluluskan Ordinan Majlis Islam Sarawak 2001 yang mana secara langsung menambahkan lagi peranan Tabung Baitulmal Sarawak sebagai sebuah institusi zakat. Sejak penstrukturan semula itu, TBS telah mencapai kejayaan yang membanggakan dalam pelaksanaan dasar dan programnya.²

¹ Abdul Razak, *Jurnal Majlis Islam Sarawak*, (Kuching, Malien Press Sdn. Bhd, 2004), 3.

² Ibid., 4.

2. Sejarah Tabung Baitulmal Sarawak

Tabung zakat dan Fitrah(nama mulanya) tidak lain didirikan atas inisiatif bersama para pemimpin Islam pada masa tersebut. Sebaik Sahaja Mencapai Kemerdekaan Melalui Malaysia, Tabung Zakat Dan Fitrah didirikan pada tahun 1966, Melalui Undang-Undang Zakat 1966. Para pemimipin dan intelektual Islam yang terlibat dalam pendirian Tabung Zakat Dan Fitrah ini adalah Absul Taib Mahmud,³ Abdul Kadir Hasan, Mohd. Mortadza Daud dan beberapa teman seperjuangan yang lain. Mereka bekerja keras dalam upaya untuk merealisasikan tujuan dan impian mereka ini yaitu berdirinya satu lembaga yang mengurus hal berkaitan zakat.

Gagasan pemikiran mereka disalurkan dalam draf Undang-Undang Tambahan 1956 yang mendiskusikan beberapa perkara yang menyangkut saranan untuk setiap umat Islam yang mampu mengeluarkan zakat. Ini bertujuan untuk membantu umat Islam dalam setiap perkara yang diperlukan.⁴ Perihal mengenai zakat diletakkan dalam undang-undang tambahan yang terdapat dalam Undang-Undang Mahkamah Melayu Sarawak pasal 1, 1915 yang dipinda pada tahun 1956.⁵ Pindaan ini diluluskan pada 30-31 Julai 1956, di Dewan Majlis Bandaran Kuching yang dihadiri oleh wakil dari bagian Pertama, Kedua,

³ Beliau merupakan ahli Majlid Islam Sarawak pada masa tersebut

⁴ Draf Pindaan Undang-Undang Court Melayu 1915, Kerjaan Majlis Islam,1.

⁵ Undang-Undang Mahkamah Melayu 1915 dibuat oleh Datu Bandar, Datuk Temenggung, DAtu Imam, Datu Hakim dan Encik Mohd Zain di Kuching Sarawak pada 9 September 1910.

Ketiga, Keempat dan Kelima.⁶ Sebelumnya tidak ada sebarang perundangan dan peraturan mengenai hal zakat ini.

Undang-undang tambahan tersebut menjelaskan pelaksanaan kepada pungutan zakat:

“Pungutan Zakat Dan Fitrah

Adalah pungutan zakat dan fitrah itu tetap dijalankan dengan seberapa lekasnya, tetapi pekerjaan atas pungut memungutnya Kerjaan Majlis Islam akan mengeluarkan peratoran-nya dan akan di-jadi undang-undangnya.”⁷

Dasar dari perundangan yang awal, dibentuk pentadbiran khusus mengenai zakat melalui Undang-Undang Zakat Dan Fitrah 1966, Swk. L.N. 94/1966.

Undang-undang tersebut mengandungi empat bagian:

- 1) Pengurusan, kepengawaian, dan keuangan di bawah kuasa Majlis Islam Sarawak;
- 2) Mekanisma pungutan zakat;
- 3) Pengagihan zakat, dan
- 4) Tindakan perundangan kepada keingkaran membayar zakat dan hal yang bersangkutan.⁸

Oleh karena terdapat kelemahan Undang-Undang Zakat dan Fitrah dari sudut pelantikan dan pemecatan para amil, pindaan dibuat

⁶ Undang-Undang Mahkamah Melayu Sarawak, *Undang-undang Zakat dan Fitrah*. 3.

⁷ Ibid., 19.

⁸ Undang-undang Zakat dan Fitrah, (Kuching:pejabat Majlis Islam, 1966), 1-3.

kali pertama pada tahun 1970. Hasil tindakan tersebut, para amil yang kurang cekap dalam perkhidmatan mereka dapat dipecat daripada tugas mereka.

Institusi Tabung Zakat dan Fitrah di bawah tanggungjawab Majlis Islam Sarawak ditukarkan nama kepada Baitul-Mal atau Tabung Baitulmal Sarawak pada Tahun 1984 Di Bawah Ordinan Majlis Islam Sarawak (Pemerbadanan) (Pindaan) 1984. Pada Tahun 1999, penyusunan semula pengurusan TBS. Untuk Memperluaskan Lagi Peranan Institusi Zakat Ini Dalam Urusan Mengutip, Mentadbir Dan Mengagih Sumber Zakat, Sadaqatul Jariah Dan Wakaf.⁹

3. Landasan berdiri Tabung Baitulmal Sarawak

Tabung Baitulmal Sarawah didirikan dengan tujuan yang mulia, sesuai dengan firman Allah dalam surat at-Taubah:103

خُذْ مِنْ أَمْوَالِهِمْ صَدَقَةً تُطَهِّرُهُمْ وَتُزَكِّيهِمْ بِهَا وَوَصَّلِ عَلَيْهِمْ إِنَّ صَلَاتَكَ سَكَنٌ لَهُمْ
وَاللَّهُ سَمِيعٌ عَلِيمٌ ﴿١٠٣﴾

Artinya: Ambillah zakat dari sebagian harta mereka, dengan zakat itu kamu membersihkan dan mensucikan mereka dan mendoalah untuk mereka. Sesungguhnya doa kamu itu (menjadi) ketenteraman jiwa bagi mereka. Dan Allah Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui

Mengulas ayat 103 dari surah at-Taubah di atas, Imam Ibn Katsir di dalam tafsirnya menjelaskan, ayat ini merupakan satu arahan daripada

⁹ Abdul Razak, *Jurnal Majlis Islam Sarawak*, (Kuching, Malien Press Sdn. Bhd, 2009), 3.

Allah SWT agar rasul-nya, yakni Nabi Muhammad SAW mengutip zakat dalam kalangan umat Islam.

Maka, nabi pun melaksanakan peruntukan kuasa yang diberi oleh Allah SWT ini dengan mengutip zakat sebagaimana yang sepatutnya. Selain itu, Rasulullah SAW memberikan perincian tentang tugas amil, seperti mana Nabi SAW pernah mengungkapkan kepada Muadz: Ambillah kekayaan daripada kalangan penduduk Yaman dan agihkan kembali kepada golongan fakir dalam kalangan mereka.¹⁰

Pada Kongres Islam Malaysia Timur 1968 Di Kuching Pada 3 Hingga 5 Mei 1968, garisan besar arahnya TBS dibuat ialah:¹¹

1. Untuk memajukan pelajaran Agama.
2. Untuk menghantarkan penuntut-penuntut Sarawak melanjutkan pelajarannya keluar negeri.
3. Untuk mendirikan bangunan-bangunan sekolah Agama.
4. Untuk pertolongan kepada fakir miskin yang melarat.
5. Untuk lain-lain perkara kebajikan.
6. Untuk menanam modal di dalam apa-apa jua perusahaan yang difikir boleh menghasilkan.

Adapun, setelah berlalu waktu, Tabung Baitulmal Sarawak telah mengemas kini landasan dan objektif pendiriannya, setidaknya, ada 4 landasan utama Tabung Baitulmal Sarawak didirikan antaranya:¹²

¹⁰ Ibid., 2.

¹¹ Ibid., 5.

¹² Lihat www.tbs.gov.my/objektifpenubuhantbs/.com diakses pada 15 juni 2014.

1. Menyumbang dalam pembangunan ummah melalui program mengukuhkan tradisi keilmuan, memantapkan kebajikan ummah dan membangunkan Institusi Islam.
2. Menggembelngkan tenaga kerja profesional dan agama untuk meningkatkan kecekapan dan keberkesanan Pengurusan.
3. Memudahcarakan Pengurusan zakat, sadaqatul jariah dan wakaf dengan menyediakan prasarana yang diyakini oleh masyarakat melalui pendekatan Pengurusan holistik ke arah mencapai kejayaan duniawi dan ukhrawi.
4. Memperkukuhkan asas kekuatan ekonomi Tabung Baitulmal Sarawak dengan meneroka peluang yang strategik dan berpotensi dalam aktiviti perkembangan modal dan hartanah yang berdaya maju.

4. Visi, misi dan motto Tabung Baitulmal Sarawak

1. Visi

Dalam memastikan TBS sentiasa bergerak seiring dengan kemajuan dan selari dengan perubahan zaman maka VISI TBS adalah untuk¹³ :

“Menjadi Sebuah Organisasi Islam Yang Dinamik Dan Pembela Kepada Umat Manusia Khususnya Masyarakat Islam Sarawak”.

¹³ Abdul Rahman, “Peran Baitulmal kepada Umat”, *Majalah Al-Mal*, (edisi 01/2001, Maret, 2001), 6.

2. Misi

Dalam merealisasikan visi TBS maka ia direalisasikan melalui misi-misi berikut¹⁴ :

1. Tabung Baitulmal Sarawak merupakan wakil kepada Majlis Islam Sarawak yang bertanggungjawab dalam Pengurusan Zakat di Negeri Sarawak.
2. Tabung Baitulmal Sarawak berperanan menyediakan kemudahan mengutip, mengagih, mengurus Dana Zakat dan Baitulmal disamping menerangkan tentang kewajipan berzakat.
3. Pelanggan-pelanggan Tabung Baitulmal Sarawak adalah masyarakat Islam, badan-badan kerajaan, badan-badan korporat dan pertubuhan pertubuhan.
4. Komitmen Tabung Baitulmal Sarawak ialah :
 - a. Untuk meningkatkan kesedaran tanggungjawab berzakat di kalangan masyarakat Islam di Sarawak.
 - b. Memudahcarakan Pengurusan Zakat agar dapat memenuhi keperluan masyarakat Islam dan perkembangan semasa.
 - c. Untuk membangun Tabung Baitulmal Sarawak sebagai sebuah organisasi Islam yang memainkan peranan penting dalam program pembangunan masyarakat Islam melalui kemudahan bantuan dalam bidang pendidikan, kebajikan dan pembangunan insan.

¹⁴ Ibid., 7

- d. Untuk memelihara dan memperkukuhkan kedudukan kewangan dan hartanah Tabung Baitulmal Sarawak bagi kepentingan umat Islam di masa depan.
- e. Untuk membangun kumpulan pekerja Islam yang professional dan dinamik.

3. Motto

Dalam usaha memartabatkan TBS sebagai sebuah institusi Islam yang dapat membela masyarakat Islam maka Motto TBS adalah:¹⁵

“BAITULMAL Tanggungjawab Kita Bersama”

Adapun, kepanjangan dari BAITULMAL itu sendiri seperti berikut:

- B** - BANGUN warga TBS untuk BANGUNkan TBS
- A** - AMANAH menanti kita yang diAMANAHkan
- I** - ILMU perlu ada kerana masyarakat sudah berILMU
TINDAKAN segera kerana TINDAKAN dapat
- T** - dibuktikan
- U** - UKHWAH fikiran tanda UKHWAH usaha
- L** - LUAS jajahan LUAS juga pasaran & potensi
- M** - MASA warga TBS adalah MASA masyarakat Islam
- A** - ARAH tujuan jelas menuntut diri mengARAH
- L** - LOVE Baitulmal memantapkan LOVE Islam

¹⁵ Ibid., 8.

5. Struktur organisasi

Tabung Baitulmal Sarawak bernaung di bawah panji Majlis Islam Sarawak (MIS) bertanggungjawab membantu MIS dalam menunaikan tanggungjawab bertanggungjawab dalam pengurusan Zakat, Sadaqatul Jariah dan Wakaf. Dalam hal ini, TBS berperanan menyediakan prasarana mengutip, mendistribusi dan mengurus dana-dana tersebut di samping menyedarkan masyarakat Islam tentang kewajipan berzakat sebagai upaya pemberdayaan umat Islam di Sarawak. Selain Tabung Baitulmal Sarawak-MIS, dua lagi agensi yang juga bernaung di bawah MIS ialah Biro Perkhidmatan Pendidikan (BPP) dan Pusat Penerangan Islam Sarawak (IIC).

Secara jelasnya bisa dilihat di diagram di bawah¹⁶:

¹⁶ Ibid., 9.




Diagram 1.0

Kedudukan Tbs Dalam Majlis Islam Sarawak

Adapun struktur organisasi Tabung Baitulmal Sarawak sendiri terdiri dari beberapa jawatan utama yaitu¹⁷:

1. Pejabat pengurus besar sebagai pengurus utama dan penentu halatuju TBS terdiri dari
 - a. Pengurus besar
Hj. Abg Mohd. Shibli b. Hj. Abg Mohd Nailie
 - b. Pembantu 1, perancangan dan kesetiausahaan
Hjh. Ayda
 - c. Pembantu pej. pengurus besar
Suzana
2. Timbalan pengurus besar sebagai pembantu pengurus besar dalam hal kebijakan dan pengurusan TBS
Bolhassan Iskandar Taib
3. Sektor Kewangan sebagai bagian yang mengurus keluar masuknya uang dari TBS, memegang dan mengurus akaun simpanan TBS, menyusun dan menyimpan data kemasukan dan pengeluaran dana
 - a. Ketua sektor keuangan
Sulaiman
 - i. Pemangku ketua unit kanan akaun
Rohaya
 - ii. Eksekutif pengawai pelaburan
Aisyah

¹⁷ Safuan Ahmad, 'Jurnal Tabung Baitulmal Sarawak, (Kuching:malien Press Sdn Bhd, 2004) 13.

- b. Ketua sektor sumber keuangan
Sulaiman
 - i. Ketua unit kanan pentadbiran
Sapiah
 - ii. Pemangku ketua unit kanan HRM
Abd Rahman
4. Sektor Zakat, sebagai bagian yang mengurus hal berkaitan zakat termasuk kutipan dan agihan zakat, mengurus dan memastikan sistem kutipan dan agihan zakat berjalan dengan lancar.
- a. Ketua bagian *agihan*(distribusi).
Hj. Yusree
 - i. Ketua unit kanan tarbiah
Samdan
 - ii. Pemangku ketua unit kanan agihan
Syukri
 - b. Ketua bagian kutipan
Hj Yusree
 - i. Pemangku ketua unit kanan promosi
Runzum
 - ii. Ketua unit kanan kutipan
Salim
 - c. Ketua bagian sistem
 - i. Ketua unit inovasi
Hazlin

ii. Ketua unit ICT

Iskandar

5. Sektor Cawangan, sebagai pertanggungjawab dalam mengurus cawangan-cawangan Baitulmal di seluruh negeri Sarawak dan pelaksana setiap kebijakan dari TBS kantor pusat yang berpusat di Kuching

a. Ketua sektor

Bolhassan Iskandar

b. Zon selatan

i. Ketua cabang Sri Aman

Samsul

ii. Ketua cabang Kuching

Hassan

iii. Ketua cabang Kota Samarahan

Norzahan

c. Zon tengah

i. Ketua cabang Sibul

Ali

ii. Ketua cabang Sarikei

Ust. Abd Rahman

iii. Ketua cabang Mukah Daro

Osman

d. Zon utara

i. Ketua cabang Bintulu

Sarbini

- ii. Ketua cabang Miri

Marini

- iii. Ketua cabang Limbang/Lawas

Junaidi

- 6. Sektor pembangunan, sebagai bagian yang bertanggungjawab mengurus hal ehwal pembangunan, fasilitas, kemudahan dan aset-aset TBS.

- a. Ketua sektor

Hj Abg Faisal

- b. Ketua sektor pembangunan

Hj. Abg Faisal

- i. Ketua unit projek

Jamury

- ii. Pemangku ketua unit penyelenggaraan

Shariff

- c. Ketua bagian hartanah

Iskandar Allan

- i. Ketua bagian fasiliti

Iskandar Allan

- ii. Pemangku ketua unit kanan wakaf

Serifah Fatimah.

B. Program Kerja Tabung Baitulmal Sarawak

Keberhasilan TBS tidak lepas dari kepiawaiannya dalam membuat program kerja, sehingga tidak sedikit dari masyarakat yang langsung terpicat untuk bergabung sebagai donatur, bahkan per Desember 2013 saja tercatat dana zakat terkumpul sebanyak Rp 20 milyar. Bahkan tertulis sejak tahun 1985 TBS telah berhasil memberikan inspirasi dan memperdayakan umat Islam di Sarawak khususnya terdiri dari para guru, fuqara dan masakin, mahasiswa, da'i, dan pelbagai lembaga (seperti: pendidikan, dakwah, yatim, dan masjid).

Dengan demikian, sesuatu yang sangat berharga untuk menyajikan program kerja yang selama ini dirancang oleh TBS supaya lebih diketahui secara detail dan mendalam untuk memudahkan lagi penelitian yang akan dijalankan.

Dalam melakukan program kerja TBS membagikan skop kerja kepada dua bagian yaitu pertama, dinamakan program kerja 'Kutipan', yaitu program kerja dalam rangka untuk pemasukan dana zakat, kedua, program kerja 'Agihan' yaitu program kerja dalam rangka pendistribusian dana zakat.¹⁸

Program kerja yang melibatkan pemasukan dana zakat lebih berupa program kemasyarakatan seperti dialog dengan masyarakat muslim Sarawak yang dilakukan dalam berbagai medium antaranya seminar, kursus dan lain-lain. Selain itu ada, di bawah program kerja Kutip terdapat program kerja

¹⁸ Safuan bin Ahmad, 'Jurnal Tabung Baitulmal Sarawak...', 20.

pembangunan Ummah yang memfokuskan kepada membina institusi Islam yang berguna untuk kebajikan masyarakat Muslim Sarawak. Adapun program-program yang dimaksud di atas bisa dilihat dengan jelas sebagai berikut¹⁹:

1. Program kerja KUTIP

- a. Program Kemasyarakatan

- 1) Baitulmal Bersama Rakyat

Bagi mendekatkan Baitulmal dengan masyarakat Islam yang tinggal jauh di pedalaman, Program Berambah atau Baitulmal Bersama Rakyat diadakan setiap tahun dengan pengisian utamanya adalah dialog antara orang kampung dengan YB yang dijemput serta penyampaian bantuan kepada mereka yang berhak. Program ini diadakan sekali dalam masa 2 atau 3 bulan di lokasi-lokasi yang terpilih di seluruh Negeri Sarawak.

- 2) Sehari bersama Baitulmal

Program ini lebih kepada memberi penerangan dan taklimat kepada pekerja-pekerja khususnya untuk kempen potongan zakat melalui potongan gaji bulanan [ZPG]. Selain daripada itu, ianya disekalikan dengan penyerahan bantuan kepada mereka yang berhak. Program SBB melibatkan jumlah peserta yang ramai sehingga 600 orang.

¹⁹ Ibid., 21.

3) Taklimat Kepada Majikan

Taklimat Kepada Majikan akan diadakan mengikut keperluan khususnya untuk menyampaikan maklumat terkini kepada majikan terutamanya bagi urusan potongan zakat dan wakaf melalui potongan gaji bulanan pekerja. Program ini tertumpu kepada Unit-Unit yang menguruskan gaji pekerja di organisasi berkenaan.

4) Taklimat Rakan Zakat Anda

Program ini hanya melibatkan jumlah peserta yang sedikit yang kurang daripada 100 orang. Iannya adalah merupakan program penerangan dan taklimat khususnya taklimat zakat pendapatan melalui potongan gaji bulanan.

Program Mengukuhkan Tradisi Keilmuan

Adapun Program Pembangunan Ummah bisa dilihat dengan rinci sebagai berikut²⁰:

b. Program Kerja Pembangunan Ummah

1) Pendirian Kompleks Islam Sarawak (KIS) : "Mercu Tanda Pembangunan Ummah"

Idea awal penubuhan Kompleks Islam Sarawak merupakan cetusan minda YAB Pehin Sri Haji Abdul Taib Mahmud, Ketua Menteri Sarawak. Penubuhan Kompleks ini adalah sebagai mercu tanda kebanggaan masyarakat Islam

²⁰ Ibid., 23.

sarawak, bahkan ia selari dengan tuntutan Tonggak Ketiga Konsep Islam hadhari: iaitu Pembangunan Seimbang Antara Spiritual dan Fizikal yang bertujuan mewujudkan pembangunan ummah yang seimbang dan bersepadu antara aspek spiritual dan fizikal. Pembangunan masyarakat yang dimulai dengan pembangunan diri sebagai insan bertaqwa yang akan mengurus dan membangun alam secara berhemah, adil dan produktif.

2) Pusat Islam Sarawak/ Sarawak Islamic Centre, (SIC).

Pusat Islam Sarawak adalah merupakan suatu projek pembangunan Majlis Islam Sarawak bgi mewujudkan pusat pertemuan dan kegiatan serta pengajian saudara saudara Islam yang terdiri daripada pelbagai keturunan. Pusat ini akan menyediakan auditorium bagi menempatkan 500 orang, bilik-bilik kuliah, pusat sumber Islam dan bahan-bahan teknologi maklumat Islam serta kemudahan-kemudahan readah bagi tujuan dakwah, bilhal.

Selain itu, ia juga menyediakan khidmat nasihat bagi mereka memerlukan bimbingan untuk menyesuaikan diri dengan ajaran Islam. Pusat Islam juga akan menempatkan hostel bagi kediaman sementara untuk para peserta yang menghadiri aktiviti-aktiviti yang dianjurkan melalui prasarana tersebut.

3) Klinik Waqaf An-Nur Sarawak.

Klinik Waqaf An-Nur Sarawak merupakan hasil usahasama antara Tabung Baitulmal Sarawak (TBS) dan KPJ Healthcare Berhad iaitu sebuah anak syarikat kepada Johor Corporation Berhad. Secara umumnya, klinik tersebut menyediakan perkhidmatan asas kepada pesakit yang memerlukan khidmat nasihat dan rawatan perubatan asas tanpa mengira latarbelakang bangsa dan agama dengan bayaran minima (RM5.00 sahaja) bagi sekali rawatan termasuk ubat-ubatan.

Klinik Waqaf An-Nur Sarawak yang terletak bersebelahan dengan pejabat Bahagian Operasi Agihan, Bangunan Tabung Baitulmal Sarawak (aras bawah) telah beroperasi sejak 19 Februari 2008 dan dirasmikan oleh YB Datuk Ir. Haji Daud Abdul Rahman, Menteri Muda di Pejabat Ketua Menteri (Hal Ehwal Islam) dan Menteri Muda Pembangunan Perindustrian (Penggalakkan dan Pembangunan Estet-estet Perindustrian) merangkap Pengurus Lembaga Baitulmal dan Waqaf pada 28 Februari 2008. Sebagai sebuah pusat kesihatan yang berkonsepkan waqaf, maka TBS telah menganjurkan pengutipan Dana Waqaf Khas bagi membiayai pembelian beberapa peralatan dan juga kelengkapan untuk Klinik Waqaf An-Nur Sarawak.

2. Program kerja AGIH

Kepercayaan masyarakat terhadap Baitulmal tergantung dengan seberapa efektif dan tersusunnya program kerja mereka. TBS telah menyusun beberapa program andalan dalam mendistribusikan dana zakat yang telah dikumpulkan. Di dalam program kerja AGIH, terdapat beberapa program yang telah dilaksanakan setiap tahun antaranya ialah²¹:

a. Program Mengukuhkan Tradisi Keilmuan.

Tabung Baitulmal Sarawak memandang berat dan serius dalam usaha memartabatkan Umat Islam supaya menjadi insan yang berwibawa, berketerampilan, disegani dan paling utama menjadi intelektual yang tertaqwa kepada Allah s.w.t. Sabda Rasulullah s.a.w yang bermaksud :

“Manusia yang terbaik ialah mukmin yang berilmu” (Riwayat Al-Baihaqi).

Demi matlamat murni itu, telah memperuntukan sejumlah dan yang besar untuk menjayakan program tersebut memandangkan ia adalah perancangan jangka panjang dan bertepatan dengan konsep kail. Aktiviti-aktiviti di bawah Program Mengukuhkan Tradisi Keilmuan yang dibiayai melalui Dana Zakat ialah seperti berikut :

1) Bantuan Kemasukan Ke Institusi Pengajian Tinggi

²¹ Ibid., 24.

- 2) Bantuan Pengajian Sekolah Rendah/Menengah
(Yuran/Kelengkapan Persekolahan)
 - 3) Bantuan Pengajian Diperingkat Sijil/Kursus
 - 4) Bantuan Pengajian Ke Timur Tengah
 - 5) Bantuan Pengajian IPT Bidang Agama
 - 6) Bantuan Pengajian Sekolah Agama/Arab
 - 7) Bantuan Pengajian Maahad Tahfiz Al-Quran
- b. Program memantapkan Kebajikan Ummah

Sejajar dengan peranannya, Tabung Baitulmal Sarawak telah mengorak langkah bergerak ke hadapan bagi membela nasib umat Islam yang terhimpit dalam kemiskinan dan kemalaratan hidup. Umpamanya golongan mustadafin yang amat memerlukan sokongan dan bantuan termasuk saraan hidup.

Tabung Baitulmal Sarawak telah mewujudkan satu lagi program kemasyarakatan bagi menghulurkan bantuan kepada golongan ini daripada Dana Zakatnya :

- 1) Bantuan Rawatan / Perubatan Dan Pembedahan Kepada Pesakit
- 2) Bantuan Untuk Musafir Yang Terkandas Dari Dalam Dan Luar Negeri (Ibnu-sabil)
- 3) Bantuan Fardhu Kifayah
- 4) Bantuan Sara Hidup Fakir Miskin
- 5) Bantuan Kecemasan Bencana Alam
- 6) Bantuan Bagi Asnaf Al- Gharimin (Menyelesaikan hutang)

7) Bantuan Am Bagi Asnaf Muallaf

c. Program Membangun Institusi Islam

Institusi Islam adalah lambang serta syiar keagungan ajaran Islam itu sendiri maka sewajarnya ia diberi kedudukan yang istimewa dan keutamaan oleh masyarakat Islam. Berkesinambungan dengan itu, Tabung Baitulmal Sarawak telah meletakkan suatu gagasan demi membantu institusi Islam yang memerlukan bantuan. Manakala badan-badan kebajikan yang lainnya turut mendapat imbalan yang berpatutan daripada Tabung Baitulmal Sarawak dengan tujuan memperkasakan serta merangsang aktiviti kemasyarakatan dan melebarkan ruang lingkup dakwah Islamiah di Sarawak.

Aktiviti di bawah program ini ialah seperti berikut :

- 1) Bantuan Am Masjid dan Surau
- 2) Bantuan Kepada Badan-Badan Kebajikan dan Organisasi untuk kerja kemasyarakatan
- 3) Bantuan Kepada Sekolah Agama Islam
- 4) Bantuan Kepada Institusi/ Badan Dakwah
- 5) Bantuan Untuk Seminar Dan Bengkel Pendidikan Pelajar

C. Pengelolaan Zakat *FiSabiLillah* Dalam Bidang Pendidikan

1. Sejarah pengelolaan dana zakat dalam bidang pendidikan.

Sebelum mengetahui program zakat *fiSabiLillah* dalam bidang pendidikan. Seharusnya diketahui dulu sejarah panjang TBS bagaimana bermulanya bantuan dalam bidang pendidikan.

Undang-Undang Zakat dan Fitrah 1966, memfokuskan kepada asnaf-asnaf dan perkara tertentu saja dalam hal pengagihan zakat. Bagian III dinyatakan:

“13. Kecuali sebagaimana yang dinyatakan dalam Fasal 14 dan 15, perbelanjaan tidak boleh dikeluarkan daripada Tabong ini melainkan setelah Majlis Islam membenarkannya dan hanya untuk perkara-perkara yang berikut:

- a. Memajukan pelajaran agama;
- b. Membantu pembinaan sekolah-sekplah, tanah perkuboran atau rumah-rumah ibadat;
- c. Pertolongan kepada fakir miskin dan yang melarat; atau
- d. Lain-lain perkara kebajikan, pelajaran atau keagamaan yang pada hemat Majlis Islam ada sebabnya yang muhasabah untuk diluluskan.”²²

Perkara ini agak terkeluar sedikit kalau difahami daripada dasar pengagihan zakat yang sebenar. Bagaimanapun, menurut Datu Hj. Loling Osman Bin Hj. Alwi, (mufti Negeri Sarawak) sebagai penasihat

²² Undang-Undang Zakat dan Fitrah 1966, *Undang-undang Mahkamah Melayu Sarawak...*, 2.

syar'i Tabung Zakat dan Fitrah periode awal berpendapat bahwa kalau diteliti secara mendalam, hal-hal yang tidak menyentuh terhadap asnaf seperti memajukan pelajaran agama dapat dikategorikan sebagai *ibn al-sabi* kerana orang yang belajar ini melakukan perjalanan untuk menuntut ilmu (perkara kebaikan). Selain itu, memajukan pendidikan keagamaan juga termasuk di dalam asnaf *fi>sabitillah*, juga dengan hal yang menyangkut masalah pembinaan sekolah, tanah perkuburan dan rumah ibadah dapat dikategorikan sebagai *fi>sabitillah* karena semua perkara di atas merangkumi perkara-perkara yang menuju jalan Allah SWT, jika dilihat dalam bentuk ibadah yang umum. Hal ini juga menurut beliau dibolehkan atas dasar masalah dan urgensi yang ada pada program pendidikan tersebut. Pengagihan yang disebutkan dalam pasal 13, lebih menjurus kepada keperluan semasa yang ada pada waktu tersebut.

Pengagihan zakat yang pertama ditumpukan dalam bantuan pelajaran agama. Sejumlah RM 3.636.36 dikeluarkan pada tahun 1967, bagi membantu para pelajar Islam melalui pemberian biasiswa, yang belajar di Semenanjung Malaysia dan luar Negeri melalui agensi.

Garis panduan untuk pemberian tersebut meliputi:

- 1) Pemohon hendaklah dari rakyat Malaysia yang bermastautin di Sarawak;
- 2) Pemohon hendaklah telah diterima masuk sebagai seorang pelajar oleh pihak sekolah;

- 3) Sekolah mendapat perakuan oleh MIS
- 4) Keutamaan diberikan kepada pelajar yang maju (semerlang) dalam pelajaran tidak kira sama ada orang tuanya berpendapatan kecil atau berpendapatan besar melainkan dalam hal-hal tertentu; dan
- 5) Segala permohonan adalah tertakluk kepada keputusan Jawatankuasa Penapis Dermasiswa Tabung Zakat dan Fitrah Majlis Islam Sarawak yang terdiri dari Yang Dipertua Majlis Islam Sarawak, Mufti dan Setiausaha Majlis Islam Sarawak.²³

Para pelajar yang sudah mendapat tawaran boleh memohon untuk mendapat biasiswa daripada Tabung Zakat dan Fitrah. Tapi, tidak semua permohonan diluluskan oleh menuntut dalam bidang pengajian agama di Kelantan tidak diluluskan.²⁴ Alasan yang dikemukakan oleh pihak MIS ialah pelajar berkenaan dihantar oleh ibu bapanya sendiri ke Kelantan. Ini bermakna mereka berkemampuan untuk menyara kehiduoan mereka di sana.

Pada tahun 1969, hanya sepuluh biasiswa diberikan kepada para pelajar berdasarkan keputusan MIS, meskipun terdapat lima belas permohonan yang diterima oleh MIS.²⁵ Pada tahun 1970, peruntukan biasiswa yang biasanya diberikan kepada sepuluh orang dihadkan kepada lima orang saja. Penerimaan biasiswa yang layak pada tahun

²³ Mesyuarat Majlis Islam Sarawak Keempat, 1975 di Bilik Gerakan Pembangunan, Kuching, 20 Februari 1975, perkara 23/74, 1.

²⁴ Para pelajar tersebut adalah Linnora Otit, Fatimah Putit dan Zeliha Taha.

²⁵ Minit Mesyuarat majlis Islam Sarawak Ketiga, 17 September 1968, di bilik Mesyuarat Majlis Islam Sarawak, Kuching, 2.

tersebut adalah Hamdiah Hamdan (Kampung Tupong, Kuching), Fatimah Putit (Sibu), Yusuf Ghani (Miri) dan Junid Mohammad, (Lawas). Sementara seorang pemohon dari bagian Simanggang masih dalam pertimbangan.²⁶

Kesemua yang menerima biasiswa berkenaan mendapat sebanyak RM30.00 sebulan. Biasiswa mereka dinaikkan pada tahun 1977 dengan tambahan sebanyak RM10.00 menjadikan sebanyak RM40.00 sebulan.²⁷ Pada masa yang sama, pihak MIS turut membantu pelajar yang kekurangan uang untuk membeli buku terutama buku agama. Pihak MIS memberikan sumbangan kepada Sharkawi Hj. Daan sebanyak RM 99.00 untuk pembelian buku teks.²⁸ Pada tahun 1971, beliau turut menerima bantuan biasiswa sebanyak RM 847.00 setahun.\

Di samping memberikan biasiswa kepada para pelajar yang belajar di pondok di Semenanjung Malaysia seperti di Maahad Johor, Johor, Madrasah Sullamiah, Kota Bharu, Kelantan, Madrasah Bugisiah, Benut, Johor, Madrasah Muhammadi, Kota Bharu, Kelantan, Madrasah Yahyawiah, Padang Rengas, Perak, Madrasah Arab Arabiyah, Kluang, Johor, MIS turut memberikan biasiswa kepada pelajar yang belajar di Timur Tengah seperti Universitas Al-Azhar, Mesir.

²⁶ Minit Mesyuarat Majlis Islam Sarawak Pertama, 1970(Hari Kedua) di Bilik Gerakan Pembangunan Bagian Pertama, Kuching, 28 Mac 1970, perkara 6/70, 7-8.

²⁷ Minit Mesyuarat Majlis Islam Sarawak Kedua, 1978, Bilik Mesyuarat Majlis Islam Sarawak, Kuching, 12 Oktober 1978, perkara 3/3/77, 2.

²⁸ Ibid

Sidek Taib memohon biasiswa dari MIS untuk tujuan membiayai pengajiannya di Mesir. Pihak MIS bersetuju dengan permohonan tersebut dengan membiayai sebanyak RM 1.000.00 setahun untuk makan san asrama, RM 150.00 setahun untuk pembelian buku serta RM 1,990.00 sekali saja untuk penerbangan ke Mesir yang diuruskan oleh pihak MIS²⁹

Pemberian biasiswa turut diberikan kepada para pelajar yang melanjutkan pendidikan di peringkat S2 (*Master*). Permohonan yang dikemukakan oleh Awang Pon Awang Sebon dan Wan Hamdan diluluskan oleh pihak MIS. Mereka diberikan uang saku sebanyak RM 3000.00 setahun dan elaun-elaun sesuai dengan yuran-yuran yang dikenakan kepada mereka.³⁰

Pada tahun 1970, seramai empat puluh pelajar orang Islam dari Sarawak telah dibantu oleh MIS melalui bantuan biasiswa. Mereka belajar di Sarawak, Semenanjung Malaysia, Singapura dan Timur Tengah.³¹

Bantuan MIS tidak hanya tertumpu kepada pengajian agama saja. Pada tahun 1972, MIS meluluskan permohonan dari seorang mahasiswa Sarawak, MOhd Louis Ali yang menuntut di Fakulti

²⁹ Minit Mesyuarat Majlis Islam Sarawak Kedua, 1969, Bilik Mesyuarat Majlis Islam Sarawak, Kuching, 3 Julai 1969, perkara 9/69, 3.

³⁰ Minit Mesyuarat Majlis Islam Sarawak Pertama, 1970, *op.cit.*, perkara 1/70(v), 3.

³¹ Abdul Razak, *Jurnal Majlis Islam Sarawak*, Kuching, Malien Press Sdn. Bhd. 23.

Ekonomi dan Pentadbiran di Universiti Malaya. Beliau mendapat biasiswa sebanyak Rm 3.000.00 setahun.³²

Pada tahun 1985, Mesyuarat Ahli Majlis Islam Sarawak kali ketiga bersetuju untuk membentuk sebuah jawatankuasa yang dinamakan Jawatankuasa Biasiswa Tabung Zakat dan Fitrah. Ahlinya terdiri dari Adi Badiozaman Tuah, Dr. Wan Ali Wan Madihi, Salleh Sulaiman dan Hj. Khalid Kaderi.³³

Melalui jawatan kuasa ini, mereka telah membuat Dasar Biasiswa dan Bantuan Pelajaran Tabung Zakat dan Fitrah. Dasar tersebut adalah seperti berikut:

“oleh kerana Tabung Zakat dan Fitrah adalah sebuah Tabung yang sumber keuangannya datang dari masyarakat Islam, maka adalah wajar dan berpatutan bagi biasiswa dan bantuan dari Tabung ini digunakan untuk memanfaatkan masyarakat Islam itu sendiri melalui peningkatan ilmu pengetahuan. Dasar Biasiswa dan Bantuan Pendidikan Tabung Zakat dan Fitrah justeru itu adalah:

- a. Pemberian biasiswa bagi membolehkan calon-calon yang terpilih mendalami ilmu pengetahuan dalam apa jua bidang yang difikirkan boleh mendatangkan faedah dan manfaat kepada masyarakat Islam;

³² Mesyuarat Majlis Islam Sarawak Kedua, 1972 di Bilik Gerakan Pembangunan bagian Pertama, Kuching, Sabtu, 20 April 1972, perkara 8/72, 4.

³³ Laporan urusetia Minit Mesyuarat Majlis Islam Sarawak Ketiga, 1985, di Bilik Mesyuarat Masjid Negeri Sarawak. Kuching, Isnin, 30 Disember 1985, perkara 7, 2.

- b. Pemberian bantuan keuangan bagi membolehkan calon-calon yang terpilih mengikuti pelajaran dan persekolahan mereka dengan sempurna; dan
- c. Pemberian bantuan bagi menaja kegiatan penyelidikan yang berkaitan langsung dengan agama Islam³⁴

Untuk tujuan penelitian calon penerima biasiswa kriteria yang ditetapkan adalah sebagai berikut:

- a. Kesesuaian kursus yang diambil
- b. Peribadi pemohon
- c. Keperluan semasa
- d. Tempat pengajian
- e. Jangka masa dan ongkos kursus/pengajian/penyelidikan; dan
- f. Kelayakan.³⁵

Penumpuan awal pengagihan zakat hanya kepada bidang pendidikan sahaja. Ini memandangkan bidang tersebut amat kritikal terutama dalam bidang pendidikan agama. Di samping itu, bantuan kebajikan turut disalurkan kepada orang yang benar-benar berkelayakan.

2. Strategi dan program TBS dalam bidang pendidikan.

Sebagai kesinambungan bagi program pendidikan yang dilakukan Tabung Zakat dan Fitrah, Tabung Baitulmal Sarawak (nama baru

³⁴ Laporan Jawatankuasa Biasiswa Tabung Zakat dan Fitrah untuk Mesyuarat Majlis Islam Sarawak Ketiga, 1985, di Bilik Mesyuarat Masjid Negeri Sarawak, Kuching, Isnin, 30 Disember 1985, perkara 7, 1-2.

³⁵ Ibid.

setelah ditukar pada tahun 1984) telah menyusun dan melakukan program-program pendidikan dengan lebih sistematis.

Lembaga Baitulmal dan Wakaf yang bernaung di bawah Majlis Islam Sarawak pada awal pendirian Tabung Baitulmal Sarawak telah menggariskan beberapa program dan strategi agihan dalam bidang pendidikan. Program yang direncanakan ini terlebih dahulu mendapat kelulusan daripada mufti Sarawak sekaligus sebagai penasihat Syar'i Tabung Baitulmal Sarawak yang pada waktu ini yang menjabat adalah Dato Kipli Hj Yasin. Beliaulah yang pada awal penubuhan TBS ini meluluskan dan mempersetujui program-program yang telah direncanakan oleh lembaga Baitulmal dan Waqaf untuk dapat dilaksanakan oleh TBS³⁶

Sejak pendiriannya, TBS telah melakukan beberapa program kerja yang efektif untuk mendistribusikan zakat pada jalur *sabillillah* dalam bidang pendidikan, TBS telah melaksanakan program besar, Mengukuhkan Tradisi Keilmuan yang bernaung dibawahnya program-program pendidikan. Dalam program besar ini dana zakat *sabillillah* disalurkan secara merata dan adil dalam beberapa jenis bantuan seperti bantuan Kemasukan Ke institusi Pengajian Tinggi, Bantuan Pengajian Ke Timur Tengah, Bantuan Pengajian Bidang Agama, Bantuan Pengajian Sekolah Agama/Arab, Bantuan Pengajian Tahfiz Al Quran, dan Bantuan Kertas Projek Akhir.

³⁶ Safuan bin Ahmad, 'Jurnal Tabung Baitulmal Sarawak...', 30.

Pada setiap program pendidikan ini, sumber dana zakat yang disalurkan adalah dari asnaf fakir, miskin dan *fisabilillah*.

Secara rinci bantuan-bantuan tersebut bisa dilihat seperti berikut³⁷:

1. Bantuan Kemasukan Ke Institusi Pengajian Tinggi

Bantuan ini bertujuan merupakan bantuan pendidikan yang paling banyak permohonan, tercatat dari 1 Januari sehingga 31 Mac 2014 sebanyak RM 419,945,00 telah dikeluarkan dalam 209 bantuan yang telah diberikan.³⁸ Bantuan pendidikan ini bertujuan untuk membantu meringankan bebanan keuangan para pelajar Islam yang kurang berkemampuan yang mendapat tawaran masuk ke Institusi Pengajian Tinggi dalam mahupun luar negara. Skop bantuan IPT dalam negara adalah bagi tujuan pendaftaran di Semester 1 Tahun Satu sahaja pada peringkat Diploma atau Ijazah Pertama, dan Sarjana bagi membolehkan mereka mendaftarkan diri. Sementara itu, skop IPT luar negara pula dikhususkan bagi peringkat Ijazah Pertama dan Sarjana sahaja dan lebih kepada bantuan sokongan kepada pemohon.

Bagi mereka yang ingin mendapatkan bantuan ini harus memenuhi syarat-syarat permohonan seperti berikut:

³⁷Lihat www.tbs.gov.my/progamagihan/com diakses pada 17 Juni 2014

³⁸ Laporan agihan bantuan bagi tempoh 1 Januari sehingga 31 Mac 2014, *majalah Al-Mal*, (Kuching, Percetakan Koperasi Al-Bait Sarawak berhad, 2014) 19.

- 1) Pelajar Islam Sarawak atau mereka yang bermukim di negeri Sarawak sahaja.
 - 2) Mendapat Surat Tawaran untuk melanjutkan pelajaran bagi IPT dalam negara (di peringkat Diploma, Ijazah Pertama dan Sarjana) ataupun IPT luar negara (di peringkat Ijazah Pertama dan Sarjana sahaja) yang diakui oleh pemerintah.
 - 3) Keutamaan adalah kepada pelajar yang belum mendaftarkan diri di IPT. Permohonan hanya dibuka selama 40 hari (Termasuk hari Sabtu, Ahad & cuti umum) dari tarikh pendaftaran bagi mana-mana pelajar yang telah mendaftarkan diri di IPT.
 - 4) Mengikuti pengajian secara sepenuh masa.
 - 5) Borang Permohonan yang dikembalikan untuk diproses melebihi daripada 3 bulan (termasuk cuti sabtu, ahad dan cuti umum) dari tarikh pendaftaran pemohon berkenaan tidak akan dilayan.
 - 6) Bantuan tidak diberi kepada pemohon yang ada menerima pendapatan atau sokongan kewangan bulanan dari majikan (separuh atau lebih gaji sebulan).³⁹
2. Bantuan Pengajian Sekolah Rendah/Menengah (Yuran/Kelengkapan Persekolahan)

³⁹ Program Mengukuhkan Tradisi Keilmuan, *Risalah Zakat Baitulmal*, (Kuching, penerbitan Tabung Baitulmal Sarawak, 2010), 2.

Bantuan ini bertujuan untuk membantu pelajar-pelajar Islam yang termasuk dalam Asnaf Fakir sahaja yang menuntut di Sekolah Rendah dan Menengah dalam negeri Sarawak untuk meringankan beban kewangan bagi sesi pembukaan sekolah pada awal tahun atau yang ditetapkan oleh pihak Kementerian Pelajaran Malaysia.

Bagi mereka yang ingin mendapatkan bantuan ini, harus memenuhi syarat-syarat permohonan seperti berikut:

- 1) Pemohon hendaklah beragama Islam atau mereka yang bermukim di Negeri Sarawak sahaja.
 - 2) Pemohon menuntut di mana-mana sekolah kerajaan di Negeri Sarawak.
 - 3) Pendapatan bulanan keluarga (bapa dan/atau ibu)/penjaga mestilah pada paras Had Al-Kifayah Fakir sahaja.
 - 4) Pemohon tidak mendapat bantuan daripada mana-mana agensi lain.
 - 5) Borang Permohonan yang dikembalikan untuk diproses melebihi daripada 3 bulan (termasuk cuti sabtu ahad dan cuti umum) dari tarikh pengeluaran borang pemohon berkenaan tidak akan dilayan.
3. Bantuan Pengajian Diperingkat Sijil/Kursus

Bantuan ini bertujuan untuk membantu meringankan bebanan kewangan para Pelajar Islam yang kurang berkemampuan yang mendapat tawaran di peringkat matrikulasi / sijil / kursus

masuk ke Pusat Pengajian yang diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia.⁴⁰

Bagi yang ingin mendapatkan bantuan ini haruslah memenuhi syarat-syarat permohonan seperti berikut

- 1) Pelajar Islam Sarawak atau mereka yang bermukim di negeri Sarawak sahaja.
 - 2) Mendapat Surat Tawaran untuk melanjutkan pelajaran di Pusat Pengajian dalam negara (di peringkat matrikulasi/sijil/kursus selama tiga bulan ke atas) ataupun yang diakui oleh kerajaan.
 - 3) Pemohon belum pernah memohon di peringkat pengajian tersebut.
 - 4) Tempoh Pengambilan borang permohonan tidak melebihi dari 1 bulan (Termasuk hari Sabtu, Ahad dan Cuti Umum) dari tarikh pendaftaran sementara pengembalian borang permohonan tidak melebihi 1 bulan (Termasuk hari Sabtu, Ahad dan Cuti Umum) dari pengeluaran borang.
 - 5) Mengikuti pengajian secara sepenuh masa.
 - 6) Bantuan tidak diberi kepada pemohon yang ada menerima pendapatan atau sokongan kewangan bulanan dari majikan (separuh atau lebih gaji sebulan)⁴¹
4. Bantuan Pengajian Ke Timur Tengah

Bantuan ini bertujuan untuk memperbanyak pengajian bidang agama dan membantu meringankan bebanan kewangan para

⁴⁰ Ibid., 4.

⁴¹ Ibid

pelajar Islam yang menuntut dimana-mana Institusi Agama di Timur Tengah dalam bidang asas agama untuk peringkat pengajian intensif bahasa Arab, Diploma, Ijazah dan peringkat seterusnya. Tercatat ada 6 permohonan telah diluluskan sejak awal tahun 2014 hingga bulan Jun 2014.⁴² Bagi yang ingin mendapatkan bantuan ini, harus memenuhi syarat-syarat permohonan seperti berikut:

- 1) Pelajar Islam Sarawak atau mereka yang bermukim di Negeri Sarawak sahaja.
- 2) Telah menerima surat tawaran atau disahkan masih menuntut di Institusi tersebut oleh pihak yang berkenaan sewaktu menghantar permohonan.
- 3) Pengajian sepenuh masa.
- 4) Institusi pengajian hendaklah diakui oleh Kerajaan Malaysia atau mendapat surat sokongan dari pihak Duta Malaysia.
- 5) Permohonan berulang mestilah disertakan dengan slip keputusan peperiksaan tahunan terkini ataupun terjemahan keputusan atau pengesahan status yang disahkan oleh institusi pengajian atau duta Malaysia.
- 6) Bantuan tidak diberi kepada pemohon yang ada menerima pendapatan atau sokongan kewangan bulanan dari majikan (separuh atau lebih gaji sebulan).

⁴²Laporan agihan bantuan bagi tempoh 1 Januari sehingga 31 Mac 2014, *majalah Al.Mal...*, 19.

7) Permohonan yang berulang hendaklah dihantar dalam tempoh tidak melebihi 3 bulan selepas pengajian bermula.⁴³

5. Bantuan Pengajian Ipt Bidang Agama

Bantuan ini bertujuan Mendorong pengajian bidang agama dan membantu meringankan bebanan kewangan para Pelajar Islam yang menuntut di mana-mana institusi pengajian tinggi dalam dan luar negara dalam bidang keagamaan selain di Timur Tengah untuk pengajian diperingkat Sijil/Kursus Matrikulasi, Diploma, Ijazah dan peringkat seterusnya. Melalui program ini, banyak biasiswa telah disalurkan. Pada periode awal hingga pertengahan 2014, sebanyak RM 58,800.00 disalurkan dalam 35 bantuan pendidikan. Bantuan ini termasuk pelajar yang menyambung bidang agama di Universitas Islam Antarabangsa, Selangor dan Universitas Agama Islam Negeri Sunan Ampel, Surabaya. Biasiswa atau bantuan ini bisa diperoleh dengan memenuhi syarat-syarat permohonan seperti berikut:

- 1) Pelajar Islam Sarawak atau mereka yang bermukim di Negeri Sarawak sahaja.
- 2) Telah menerima surat tawaran atau disahkan masih menuntut di Institusi tersebut oleh pihak yang berkenaan sewaktu menghantar permohonan.
- 3) Pengajian sepenuh masa.

⁴³ Program Mengukuhkan Tradisi Keilmuan, *Risalah Zakat Baitulmal...*, 2.

- 4) Institusi pengajian hendaklah diakui oleh kerajaan Malaysia atau mendapat surat sokongan dari pihak Duta Malaysia.
 - 5) Bantuan tidak diberi kepada pemohon yang ada menerima pendapatan atau sokongan kewangan bulanan dari majikan (separuh atau lebih gaji sebulan).
 - 6) Permohonan yang berulang hendaklah dihantar dalam tempoh tidak melebihi 3 bulan selepas pengajian bermula.
6. Bantuan Pengajian Sekolah Agama/Arab

TBS juga memberi bantuan kepada pelajar di jenjang SD-SMA. Bantuan ini bertujuan untuk memberi dukungan di dalam pengajian bidang agama dan membantu meringankan bebanan kewangan para pelajar Islam yang meneruskan pengajian, dimana-mana Pusat Pengajian / SMU / SMA atau Madrasah dalam Negara Malaysia. Melalui program ini, sebanyak RM 297,000.00 telah disalurkan kepada para pemohon yang melakukan permohonan. Sejak awal tahun 2014 hingga akhir Maret, sebanyak 198 bantuan diluluskan.⁴⁴ Untuk mendapatkan bantuan pendidikan ini, pemohon harus memenuhi syarat-syarat permohonan sebagai berikut:

- 1) Pelajar Islam Sarawak atau mereka yang bermukim di Negeri Sarawak sahaja.

⁴⁴ Laporan agihan bantuan bagi tempoh 1 januari sehingga 31 mac 2014, *majalah Al.Mal*, ..., 19.

- 2) Telah menerima surat tawaran atau disahkan masih menuntut di sekolah tersebut oleh pihak yang berkenaan sewaktu menghantar permohonan.
 - 3) Pemohon hendaklah menuntut di Pusat Pengajian yang diakui oleh kerajaan Malaysia.
 - 4) Bantuan tidak diberi kepada pemohon yang ada menerima pendapatan atau sokongan kewangan bulanan dari majikan (separuh atau lebih gaji sebulan).
 - 5) Borang Permohonan yang dikembalikan untuk diproses melebihi daripada 3 bulan (termasuk cuti sabtu, ahad dan cuti umum) dari tarikh pengeluaran borang pemohon berkenaan tidak akan dilayan.
 - 6) Permohonan yang berulang hendaklah dihantar dalam tempoh tidak melebihi 3 bulan selepas pengajian bermula.⁴⁵
7. Bantuan Pengajian Maahad Tahfiz Al-Quran

Selain bantuan dalam bidang perkuliahan agama dan umum, pihak TBS juga menyediakan bantuan untuk para pelajar yang ingin melanjutkan dalam bidang Tahfiz Al Quran. Program ini secara tidak langsung bisa mendorong pelajar pengajian bidang tahfiz dan membantu meringankan bebanan keuangan para pelajar Islam yang mendapat tawaran melanjutkan pelajar dalam bidang tahfiz diperingkat Diploma dan Ijazah dimana-mana Pusat Pengajian

⁴⁵ Program Mengukuhkan Tradisi Keilmuan, *Risalah Zakat Baitulmal...*, 6.

maupun Institusi dalam Negara Malaysia. Tercatat baru 2 bantuan yang telah disalurkan sebanyak RM 3,000.00 dari awal 2014 hingga akhir Mac 2014.⁴⁶ Para pelajar dalam bidang tahfiz ini bisa mendapatkan bantuan dan melakukan permohonan di TBS dengan memenuhi syarat-syarat permohonan seperti berikut:

- 1) Pelajar Islam Sarawak atau mereka yang bermukim di negeri Sarawak sahaja.
- 2) Telah mendapat surat tawaran untuk peringkat Diploma atau Ijazah atau disahkan masih menuntut di Institusi tersebut oleh pihak yang berkenaan sewaktu menghantar permohonan.
- 3) Pemohon hendaklah menuntut di Pusat Pengajian yang diakui oleh kerajaan Malaysia.

c. Mekanisme pendistribusian zakat dalam program di bidang pendidikan.

Sejak pendiriannya, TBS paling banyak menyalurkan zakat dalam bidang pendidikan karena memandang bidang tersebut amat kritikal dan sangat dibutuhkan pada masa kini terutama dalam bidang pendidikan agama. Kesuksesan TBS dalam menyalurkan bantuan ini semestinya hasil daripada sistem pendistribusian zakat yang sistematis dan teratur.

⁴⁶ Laporan agihan bantuan bagi tempoh 1 januari sehingga 31 mac 2014, *majalah Al.Mal*, ..., 19.

Tercatat sejak 1 Januari hingga 31 Maret 2014, sebanyak 592 bantuan berjumlah RM 1,019,054,00 (RP 3 Milyar) telah disalurkan melalui program-program di bidang pendidikan,⁴⁷

Berikut adalah tabel penyaluran dana zakat *fi sabiillah* per 1 Januari hingga 3 Maret 2014⁴⁸

Dana Zakat Asnaf <i>Fi Sabiillah</i>	Jumlah (RM)	Bilangan Orang/Organisasi
Bantuan Kemasukan ke IPT (Yuran, Tambang, dan Uang saku)	419,945.00	209
Bantuan Pengajian Timur Tengah	3,400.00	1
Bantuan Pengajian ke Sekolah Agama/Arab	297,000.00	198
Bantuan Pengajian Tahfiz Al-Quran	3,000.00	2
Bantuan Kertas Tesis	3,000.00	6
Bantuan Pengajian Bidang Agama	58,800.00	35
Bantuan Pendidikan Dana Ibnu Khaldun	13,500.00	2
Bantuan kepada Persatuan Pelajar, seminar, dan Bengkel	17,000.00	14
Bantuan Biasiswa Timur Tengah	144,709.00	15
Bantuan Sijil/ Kursus	58,700.00	110

⁴⁷ Ibid.

⁴⁸ Ibid.

Jumlah	1,019,054,00	592
---------------	--------------	-----

Tabel 1.0

Penyaluran Bantuan per 1 Januari hingga 31 Maret 2014

Dalam melakukan permohonan bantuan pendidikan di TBS, para pemohon terlebih dulu harus mengisi formulir permohonan bantuan yang di diambil di kantor TBS terdekat atau bisa diisi secara online di *website* resmi Tabung Baitulmal Sarawak.

Para pemohon juga harus memenuhi syarat-syarat permohonan, secara umum, syarat-syarat yang harus ada di setiap permohonan yang dilakukan adalah seperti berikut:

- 1) Pemohon beragama Islam
- 2) Penduduk tetap/bermukim di negeri Sarawak
- 3) Pendapatan kurang daripada Had Al-Kifayah
- 4) Tidak mendapat bantuan daripada mana-mana pihak lain.

Selain syarat-syarat di atas, pemohon harus melengkapkan dokumen-dokumen sokongan. Dokumen yang wajib dikemukakan bagi semua jenis permohonan adalah:

- 1) Kad Pengenalan Pemohon
- 2) Surat Lahir Bagi Semua Tanggungan
- 3) Surat Tawaran Kemasukan ke IPT/ Pusat Pengajian.
- 4) Slip gaji bulan Terakhir Ibu dan Bapa

- 5) Pengesahan pendapatan (bagi yang bekerja sendiri)
- 6) Surat Cerai suami isteri (jika berkenaan)

Semua dokumen ini hendaklah disahkan oleh Pengawai Kerajaan, Guru Besar/Pengetua, Ketua Masyarakat Islam (Ketua Kaum/Penghulu).

Setelah mengisi formulir yang diberikan atau formulir online yang harus dicetak terlebih dahulu, formulir bersama dokumen-dokumen wajib di atas dan juga sekeping gambar berukuran paspor kemudian dibawa ke kantor pengurusan TBS yang berhampiran untuk diproses permohonannya.

Pihak TBS akan memeriksa permohonan yang dibuat apakah layak untuk mendapatkan bantuan atau tidak. Jika layak, pihak TBS akan menentukan jumlah bantuan yang akan diberikan kepada pemohon. Penentuan ini ditentukan dengan kadar jumlah gaji Ibu/Bapa/Penjaga Pemohon menggunakan kaedah “Gaji Kasar Diselaras”⁴⁹.

Permohonan yang dilakukan paling cepat bisa diluluskan dan dcairkan dananya selama 2 minggu, dan paling lambat 1 bulan.⁵⁰ Kadar bantuan akan ditentukan berdasarkan garis panduan agihan yang telah dibuat oleh kantor TBS pusat.

Berbeda cara kelulusan permohonan di TBS dengan Tabong Zakat Dan Fitrah(TZF) yang dulu. Ketika masih menjadi Tabong Zakat dan Fitrah, TZF tidak berkuasa meluluskan permohonan melainkan hanya berhak mengajukan permohonan yang telah dibuat kepada Majlis

⁴⁹ Muammar Gadaffi, *wawancara*, Bintulu, 11 Juni 2014

⁵⁰ Zaini Ramli, (Ketua TBS Cabang Bintulu), *wawancara*, Bintulu, 15 Juni 2014.

Islam Sarawak untuk diluluskan sama ada layak atau tidak. Namun, setelah bertukar menjadi Tabung Baitulmal Sarawak, mekanisma kelulusan permohonan ini dipermudah. Masing-masing cabang TBS mempunyai pengawai eksekutif yang berhak memberi kelulusan suatu permohonan. Pengawai eksekutif itu tentunya sudah mempunyai garis panduan bagi meluluskan permohonan yang dilakukan.

Kemudian, bagi permohonan yang diluluskan, pihak TBS setiap cawangan wajib melakukan laporan dan juga atas segala bentuk kegiatan yang dilakukan di setiap cabang. Dalam hal ini, Laporan Kutipan dan pemasukan dana harus dilaporkan per hari kerja. Berarti setiap hari, akhir jam kerjanya harus melaporkan jumlah kutipan zakat yang terkumpul pada hari tersebut kepada kantor TBS pusat yang bertempat di Kuching, Sarawak. Sedangkan, bagi laporan program-program yang telah berhasil diluluskan dan disalurkan bantuannya, pihak TBS harus melaporkannya ke TBS pusat sebanyak 1 kali seminggu. Pihak TBS cabang bertanggungjawab melaporkan jumlah pemasukan dana zakat dan pengeluaran dana zakat mengikut waktu yang ditentukan. Setiap hari bagi laporan Kutipan dan seminggu sekali bagi laporan Agihan⁵¹.

⁵¹ Zaini Ramli, *wawancara*, Bintulu, 15 Juni 2014.